



Unit Agama Islam, UniMAP - 2010 - Bil 5



- Dakwah Serasi Ummah Harmoni -

IMAN ISLAM IHSAN

Istilah Iman, Islam dan Ihsan merupakan perkara yang mesti diketahui oleh seseorang muslim. Dengan memahami istilah-istilah ini, seseorang muslim akan mampu untuk meningkatkan tahap keagamaannya untuk menjadi lebih baik.

Iman merangkumi :

1. Percaya dengan hati
2. Mengakui dengan lidah
3. Beramal dengan anggota badan

→ terhadap **rukun-rukun iman** iaitu :

- * Allah
- * Malaikat
- * Kitab
- * Rasul-rasul
- * Hari Qiamat
- * Qada' Qadar

Islam adalah tunduk dan menyerah diri kepada Allah yang mana tunduk dan patuh tersebut membawa kepada kesejahteraan dan keselamatan di dunia dan akhirat.

Islam mempunyai 5 Rukun :

- * Mengucap 2 kalimah syahadah
- * Solat 5 waktu sehari semalam
- * Menunaikan zakat
- * Berpuasa di bulan Ramadhan
- * Menunaikan ibadah haji

Ihsan beerti menyembah Allah seolah melihat Allah walaupun begitu, Allah SWT sentiasa melihat sekalian hamba-hambanya.

Semoga Allah SWT mengurniakan kepada kita akan keimanan yang mantap, islam yang tulen lantas menjadikan kita ikhlas di dalam beribadah dengan ihsan. Pada siri tazkirah yang akan datang, kita akan membincangkan perkaitan antara iman, islam dan ihsan. Semoga Allah SWT memperbaiki diri dan amalan kita. Selamat beramal!

Sekian, Mohd Nazim b. Mohd Noor